# PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

# KENYATAAN TENDER

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd mempelawa Kontraktor/Pembekal yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

| Bil. | Perihal Kerja / No. Tender / Harga Dokumen | Syarat Penyertaan Tender | Maklumat Tender |
|---|---|---|---|
| 1 | **PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR TAMAN MUDA 1.3 MG RESERVOIR**<br><br>No. Tender: **PN0000023840**<br><br>Harga Dokumen: **RM300.00**<br><br>Harga Indikatif: **RM4,400,000.00**<br><br>Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat mana-mana pihak lain bagi mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.<br><br>Pihak Air Selangor tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif.<br><br>**Ringkasan Skop Kerja:**<br>1. Melaksanakan jajaran yang dicadangkan serta membekal dan memasang paip keluli lembut bersimen (MSCL) berdiameter minimum 800 mm dengan anggaran panjang 800 meter dari Persimpangan Jalan Bunga Raya / Jalan Bunga Mawar 9 ke Kolam Simpanan Taman Muda 1.3 MG (anggaran). Kerja-kerja hendaklah merangkumi kerja perintisan, penggalian, penimbusan semula, pemulihan sementara, penanaman rumput, dan semua kerja berkaitan yang lain.<br><br>2. Melaksanakan kerja-kerja penggerudian teras (*coring*) dengan diameter minimum 900 mm pada dinding Kolam Simpanan Taman Muda 1.3 MG pada ketinggian lebih kurang 300 mm–450 mm di atas Paras Air Dasar (*BWL*). Kerja-kerja hendaklah merangkumi pengukuhan struktur, pembaikan semula kawasan yang terjejas, serta penggunaan bahan perlindungan yang sesuai bagi mengelakkan kakisan pada tetulang akibat pendedahan berpanjangan kepada air berklorin dan bagi mencegah kegagalan struktur.<br><br>3. Pengujian dan pentauliahan bagi saluran paip keluli lembut bersimen (MSCL) berdiameter minimum 800 mm dan 600 mm yang telah siap dipasang, termasuk semua peralatan mekanikal dan elektrikal (M&E). Kerja-kerja hendaklah merangkumi ujian tekanan, ujian kebocoran, dan pensterilan.<br><br>4. Berurusan dengan pihak berkuasa yang berkenaan (seperti KUSEL, MPAJ dan lain-lain) serta Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bagi mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan dan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua kehendak pihak berkuasa bagi pelaksanaan kerja..<br><br>**Skop kerja ringkas ini disediakan sebagai rujukan sahaja. Para petender hendaklah merujuk kepada dokumen tender bagi mendapatkan skop kerja terperinci dan akan diberikan taklimat lanjut semasa lawatan tapak.* | Berdaftar dengan:<br><br>**1.** <u>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</u><br>Berstatus **SDN. BHD./BHD. sahaja**<br><br>DAN<br><br>**2.** <u>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB),</u><br><br>Gred: **Minimum G5**,<br>Kategori: **CE**<br>Pengkhususan;<br>**CE20** – Sistem Bekalan AIr<br><br>DAN<br><br>**3.** <u>Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)</u><br>**Minimum Permit IPA Jenis C2 (Bekalan Air)**<br><br>DAN<br><br>**4.** Berdaftar sebagai <u>Vendor Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd</u> (Rujuk Nota 2)<br><br>**Nota:**<br><br><u>Arahan kepada Petender</u><br><u>*(Instructions to Tenderer)*</u><br>*The tender submission shall be made solely by the tenderer and not through any broker, agent, or intermediary. The tenderer shall also not make any payments, commissions, or fees to any broker, agent, or intermediary in connection with this tender. Any breach of this clause may result in the tenderer to be disqualified from the Tender exercise and their tender submission shall be rejected. However, where the tenderer is a local authorised [agent of a manufacturer], the tenderer shall include in its submission, documents demonstrating the authority granted to the tenderer as a local distributor, supplier or otherwise, from the [manufacturer]* | Tender ini dilaksanakan sepenuhnya secara **dalam talian (*online)*** menerusi **Sistem Tender** (Rujuk Nota 1). Petender yang berminat menyertai tender ini hendaklah mendaftar dan berurusan melalui **Sistem Tender**.<br><br>**Hanya kontraktor/pembekal yang memenuhi syarat penyertaan tender sahaja layak dan dibenarkan untuk membeli dokumen tender.**<br><br>Tempoh Pendaftaran Tender Dalam Sistem Tender: **13/11/2025 hingga 21/11/2025** (3:00 ptg.)<br><br>Pautan ke Sistem Tender: <u>https://tender.airselangor.com</u><br><br>Tarikh Pemberitahuan kepada petender yang layak untuk Taklimat/Lawatan Tapak: **24/11/2025**<br><br>Maklumat Taklimat Tender/Lawatan Tapak: Tarikh : **TBA**<br>**(TAKLIMAT TENDER/LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN)**<br>1. Akan dimaklumkan menerusi emel kepada petender yang layak / memenuhi syarat penyertaan tender Sahaja.<br>2. Petender yang layak hendaklah menyediakan Surat Kuasa bagi wakil yang menghadiri lawatan tapak/taklimat tender.<br><br>Tempoh Penjualan Dokumen: **28/11/2025 hingga 5/12/2025** (11:00 mlm.)<br><br>Tarikh Tutup Tender Dalam Talian (TAMS): **12/12/2025** (3:00 ptg.)<br><br><u>Pegawai Untuk Dihubungi:</u><br><u>Perihal Tender</u><br>1. Mohd Radzy Mohd Osman (03-2088 4926)<br><br><u>Pendaftaran Tender</u><br>1. Dr. Azman Ismail (03-2088 3404)<br>2. Muhamad Amirul Abd Kadir (03-2088 5340)<br><br><u>Pendaftaran Vendor</u><br>1. Hussein Thajudeen (03-2088 5798) |

<u>NOTA;</u>

1. Untuk mendaftar dan berurusan dengan **Sistem Tender**, sila ke pautan <u>https://tender.airselangor.com</u> dan ikuti panduan yang dipaparkan. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan berkaitan Sistem Tender dan pembelian dokumen tender, sila hubungi No. 03-2088 5340/5386 atau menghantar pertanyaan melalui Sistem Tender.

2. Untuk mendaftar sebagai **Vendor Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd**, sila ke pautan berikut: https://www.airselangor.com/vendor dan ikuti panduan yang dipaparkan. Untuk sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran vendor, sila hubungi No. 03-2088 5798/5187/5008/5311 atau e-mel ke vendor@airselangor.com .

3. Setiap syarikat dibenarkan menghantar hanya **seorang/dua wakil** untuk menyertai Taklimat/Lawatan Tapak. Kontraktor/Pembekal diingatkan untuk menghantar wakil syarikat yang berkelayakan bagi tujuan pemahaman skop kerja dan penyediaan tawaran tender.

4. Kontraktor/Pembekal yang telah menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak (sekiranya ada) / memenuhi syarat penyertaan tender boleh meneliti **Dokumen Meja Tender** *(Tender Table Document)* dan membeli tender melalui Sistem Tender.

5. Kontraktor/Pembekal yang hendak membeli tender dikehendaki membuat pembayaran di dalam Sistem Tender (menggunakan FPX). Kontraktor/Pembekal diingatkan sebarang bayaran pembelian tender tidak akan dikembalikan kecuali di atas sebab pembatalan tender oleh pihak Air Selangor.

6. Selepas membuat bayaran dan mendapat pengesahan daripada pihak Air Selangor, Kontraktor/Pembekal akan menerima Dokumen Tawaran untuk menyertai Tender melalui ***TAMS Supplier Portal.***

7. Dokumen tender hendaklah dihantar secara dalam talian *(TAMS)* tidak lewat dari jam **3.00 petang** pada tarikh tender ditutup. Penyerahan tawaran tender yang lewat tidak akan diterima.

8. Air Selangor mewajibkan Rakan Perniagaannya untuk memperoleh pensijilan **ISO 37001 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS)** sebelum 30 Jun 2028 (untuk projek bernilai lebih RM50 juta) atau sebelum 30 Jun 2030 (untuk projek bernilai lebih RM5 juta) bagi menyertai tender Air Selangor. Ini adalah sebahagian daripada komitmen Air Selangor terhadap amalan perniagaan beretika. Sila mulakan proses permohonan pensijilan ISO 37001 jika anda belum berbuat demikian untuk kekal layak bagi kontrak masa depan dengan Air Selangor.

**Sertai Saluran Telegram Kami**
**Tender Air Selangor**
**https://t.me/tenderairselangor**
**Untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami**

13112025_10
KT25/2025(Online)